



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MENGIMARAHKAN RUMAH ALLAH"

30 Jun 2023 / 11 Zulhijah 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَرْضِ مَسْجِدًا وَطَهُورًا، وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا، وَاللَّيْلَ لِبَاسًا وَالنَّوْمَ سُبَاتًا وَالنَّهَارَ نُشُورًا، وَهُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا، وَدَاعِيَا إِلَى اللَّهِ يَادِنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُخْتَارُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ الْأَخْيَارِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أُوْصِينُكُمْ وَإِيَّاهُ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Khutbah pada hari ini bertajuk: "MENGIMARAHKAN RUMAH ALLAH".

Masjid merupakan rumah Allah yang paling istimewa di muka bumi ini. Istilah masjid berasal daripada bahasa Arab bererti tempat untuk bersujud. Dalam pengertian luas, seluruh hamparan bumi ini sesungguhnya ialah masjid, sebagaimana sabda Rasulullah SAW;

وَجَعَلْتُ لِي الْأَرْضَ مَسْجِدًا وَطَهُورًا

Bermaksud; "Seluruh bumi ini dijadikan untuk ku sebagai masjid (tempat bersujud untuk solat) dan sebagai alat untuk bersuci". (Hadis Riwayat Bukhari)

Dalam pengertian khusus, istilah masjid merujuk kepada sebuah bangunan yang digunakan sebagai tempat ibadah bagi umat Islam. Keberadaan masjid dalam bentuk bangunan menjadi bukti tegaknya syiar Islam di sesuatu kawasan; keberadaan masjid juga berperanan penting dalam membina dan membangunkan masyarakat Islam;

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



terbukti melalui tindakan Rasulullah SAW sebaik sampai ke Madinah, perkara pertama yang baginda lakukan ialah membina Masjid Quba. Masjid pada era kepimpinan Rasulullah SAW dan pada era kegemilangan Islam, berperanan sebagai pusat yang membina kekuatan dan membangunkan tamadun ummah.

Sesebuah masjid tidak memenuhi erti yang sebenarnya, jika hanya berbentuk sebuah bangunan tersgam indah, tetapi lesu, lengang, kosong dan kaku, kerana tidak dilengkapi dengan kegiatan. Masjid perlu disuntik dengan roh yang menghidupkan, diimarahkan dengan kehadiran maknum yang melimpah ruah, beramai-ramai mendirikan solat secara berjemaah pada setiap waktu, serta dimakmurkan dengan pelbagai kegiatan keagamaan, keilmuan dan kemasyarakatan. Umah perlu mengambil tanggungjawab, berperanan aktif untuk mengimarahkan masjid. Mengimarahkan, memakmurkan dan menghidupkan masjid merupakan salah satu bukti kebenaran iman dalam hati seseorang hamba.

Firman Allah SWT dalam surat At-Taubah ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمَلُ مَسْكِنًا لِّلَّهِ مَنْ عَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَأَتَى الزَّكَوَةَ وَلَمْ يَنْهَى إِلَّا
اللَّهُ فَعَسِيَ أَوْ لَتَّبَّقَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: Sesungguhnya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu hanyalah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka diharapkan mereka termasuk dalam golongan orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Rasulullah SAW bersabda bahawa salah satu golongan yang akan mendapat naungan Allah di hari kiamat kelak ialah seorang hamba yang hatinya selalu terpaut dengan masjid.
(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan

Masjid dan surau wajib diimarahkan agar dapat memenuhi peranan sebagai pusat yang membangunkan masyarakat. Penggunaan istilah “imarahan” bermaksud membangun, menghidupkan, memakmurkan, memelihara, membersihkan, mendirikan solat, beriktikaf dan sebagainya. Pengimarah masjid terbahagi kepada dua kategori;



Pertama: Imarah secara fizikal atau zahir, iaitu membina, menjaga dan menyediakan kemudahan. Kini terdapat 627 buah masjid, 64 buah surau diri Jumaat dan 2,064 buah surau yang berdaftar di negeri Perak. Alhamdulillah, kebanyakan masjid dan surau yang baharu, dibina dengan cantik dan selesa, dilengkapi dengan sistem siar-raya yang baik, paparan digital yang menarik dan semakin banyak yang dilengkapi dengan pendingin udara.

Kedua: Imarah secara rohani - secara pengisian, iaitu kegiatan-kegiatan yang berjaya mendekatkan diri insan kepada Allah SWT, antaranya melaksanakan ibadah-ibadah wajib dan sunat seperti solat, membaca al-Quran, berikhtikaf, menganjur dan mengikuti kegiatan-kegiatan pengajian dan keilmuan, juga kegiatan-kegiatan kebajikan dan kemasyarakatan.

Masih banyak usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kegiatan-kegiatan pengisian yang dapat menarik minat anggota kariah. Kegagalan melakukan kegiatan pengisian yang berjaya menarik minat ahli-ahli kariah akan menyebabkan masjid menjadi bangunan yang sepi, lengang dan kosong sebaik selesai solat fardu. Diperhatikan, selain daripada solat Jumaat, solat sunat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha, jemaah yang menghadiri solat-solat fardu masih kecil bilangannya; begitu juga bilangan kehadiran dalam majlis-majlis ilmu yang dianjurkan. Gerakan meningkatkan syiar Islam di masjid-masjid masih kelihatan lesu dan kurang bertenaga, lantas gagal menarik minat penyertaan lebih ramai anggota masyarakat, terutama anak muda.

Hadirin Rahimakumullah,

Kurang kehadiran jemaah semasa solat-solat fardu, begitu juga dalam kegiatan-kegiatan keilmuan hendaklah dilihat sebagai satu cabaran yang perlu ditangani secara bijaksana oleh mereka yang telah diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menguruskan masjid. Antara langkah-langkah yang perlu difikirkan ialah:

Pertama: Memperkenalkan dan mempelbagaikan program dan kegiatan yang berupaya menarik minat lebih ramai jemaah, terutama golongan remaja untuk ke masjid dan mengimarahkan masjid. Alhamdulillah diperhatikan kini semakin banyak masjid yang telah mempelbagaikan kegiatan dengan memperkenalkan kegiatan-kegiatan ekonomi, pertanian, penghasilan makanan, perniagaan, riadah, tadika, tuisyen, perpustakaan, dan inap desa (*homestay*).



Kedua: Pengurusan masjid perlu memahami peranan masjid masa kini, tidak hanya terhad sebagai tempat menghubungkan insan dengan Allah SWT tetapi juga sebagai tempat menghubungkan manusia dengan manusia membina budaya berteraskan Islam. Peranan masjid mencakupi segala aspek kehidupan masyarakat merangkumi akidah, syariah, akhlak, ekonomi, sosial, teknologi, kesenian, sains, pertanian dan sebagainya, yang menggambarkan kesempurnaan Islam yang dihayati secara menyeluruh. Pada zaman moden ini, masjid perlu memenuhi tuntutan dan keperluan masyarakat maju agar umat Islam tidak ditinggalkan oleh arus kemajuan yang sedang pesat berlaku.

Ketiga: Melibatkan anak muda untuk berperanan aktif mengimarahkan masjid dan memberikan kepercayaan kepada mereka untuk turut berperanan berada dalam barisan kepimpinan masjid.

Keempat: Memuliakan kesucian masjid sebagai rumah Allah yang berperanan sebagai tempat untuk kita menghayati semangat bahawa orang-orang Islam itu bersaudara, tempat menyatukan ummah, tempat mendekatkan ummah kepada Allah, tempat menginsafkan ummah bahawa kita adalah sama di sisi Allah, berpegang kepada akidah yang sama, bertuhankan Allah Yang Esa. Baginda SAW menyifatkan bahawa masjid adalah tempat mulia yang paling disukai oleh Allah SWT.

أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا.

Bermaksud: Negeri yang paling disukai oleh Allah ialah masjid-masjid Nya.

(Riwayat Muslim)

Wahai anak-anak keturunan Adam AS

Insaf! dan sedarlah! bahawa masjid merupakan rumah Allah yang mulia lagi suci, diamanahkan untuk kita mengimarakannya. Oleh itu, hendaklah kita hidupkan rasa kasih dan sayang kepada rumah Allah ini dengan merajinkan diri kita untuk ke masjid, menemui Allah yang telah mengurniakan kita dengan pelbagai nikmat, merangkumi keluarga, usia, kesihatan, rezeki dan kejayaan. Buktikan kepada ALLAH SWT sifat syukur dan rasa terima kasih kita dengan sering berkunjung untuk memakmurkan rumah-rumah Allah supaya kita senantiasa mendapat rahmat, hidayat dan petunjuk daripada Nya.



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَفْوَى بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Tambat dan labuhkan hati kami untuk menjadikan masjid sebagai tempat yang paling kami sukai, untuk kami berasa lapang dan senang mengunjungi dan beriktiak di dalamnya. Bimbing hati kami untuk sentiasa melangkahkan kaki mengimarahkan masjid. Kurniai para pengurus masjid ketekunan, keikhlasan, ketabahan dan kesabaran serta ilham untuk membangunkan masjid sebagai pusat masyarakat. Limpahi rumah-rumah Mu itu dengan cahaya perdamaian yang membuka hati-hati umat Mu untuk bersatu, berpadu dan meningkatkan silaturahim.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَانِ وَنَهَىٰ عَنِ الْفَحْشَائِعِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.